

# Measat-3d: 1 jam paling kritikal

Measat-3d bakal dilancar ke ruang angkasa dari Pusat Angkasa Lepas Eropah Kourou, French Guiana

Oleh FARAH SHAZWANI ALI  
SHAH ALAM

**T**empoh sejam sebelum pelepasan satelit ke-10 negara, Measat-3d yang akan dilancarkan Khamis ini merupakan tempoh paling genting dan kritikal bagi menentukan status 'go or not go'.

Ketua Pengarah Agensi Angkasa Malaysia (MYSA), Azlikamil Napiah berkata, ketika tempoh itu, satelit berkenaan berada pada roket pelancar Ariane 5 sebelum dilancar dan diletakkan ke slot



Rocket Ariane 5 yang membawa satelit Measat-3d bakal dilancarkan pada jam 5.03 pagi (waktu Malaysia) pada Khamis.



Measat-3d dimasukkan dalam kapsul pada roket pelancar Ariane 5.

(FOTO: ESA-CNES-CSG-AE)

orbit 91.5°E serta sebarang ancaman pada sistem mekanikal atau cuaca boleh menyebabkan pelancaran ditangguhkan.

Justeru katanya, pasukan pakar daripada Airbus yang membangunkan satelit berkenaan dan syarikat yang mengendalikannya teknologi pelancaran roket Ariane 5 kini sedang melakukan persiapan rapi, menjelang pelancaran satelit Measat-3d di Pusat Angkasa Lepas Eropah Kourou, French Guiana pada jam 6.03 petang, Rabu ini atau jam 5.03 pagi 23 Jun waktu di Malaysia.

“Satelit telekomunikasi milik Malaysia East Asia Satellite Global Berhad (Measat) iaitu Measat-3d yang dibina oleh Airbus telah berada di Kourou dan bersedia untuk pelancarannya menerusi Ariane 5.

“Sebelum pelancaran, dua bahagian penting yang perlu diberikan perhatian adalah pemantauan roket pelancar itu sendiri dan pemantauan satelit-satelit yang dibawa di dalam roket itu. Ia dianggap berjaya apabila sampai ke orbit dan berada pada kedudukannya.

“Aspek penting yang perlu dilihat adalah roket yang membawa satelit itu ber-

**EKSKLUSIF**

jaya naik mengatasi graviti dan sampai satu peringkat, sama ada masih ada ‘power’ atau tidak untuk meletakkan satelit di atas orbit.

“Sebab itu pemantauan yang begitu teliti perlu dibuat termasuk daripada segi formula, bahan api, tujahan, sistem mekanikal dan elektrik,” katanya kepada Sinar Harian pada Selasa.

Jelasnya, selain Measat-3d, beberapa satelit nano lain akan turut dilancarkan bersama dalam roket Ariane 5.

Beliau yang kini berada di Perancis bagi menyaksikan peristiwa bersejarah itu berkata, kerajaan Malaysia akan diwakili Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi dan Multimedia (K-KOMM), Datuk Seri Mohammad Mentek.

Bersempena pelancaran itu juga, satu



**AZLIKAMIL**

majlis istimewa akan dianjurkan di ibu negara bagi membolehkan para jemputan menonton pelancaran itu secara langsung dan ia dijangka dihadiri tetamu kehormat termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob serta Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa.

Sementara itu, Airbus dalam satu kenyataan melalui laman web memaklumkan,

Measat-3d adalah satelit E3000 ke-57 yang dibina oleh Airbus, akan diletakkan pada slot orbit 91.5°E bergandingan dengan Measat-3b.

Ketua Satelit Telekomunikasi di Airbus, Francois Gaullier berkata, satelit baharu itu akan meningkatkan kelajuan jalur lebar dengan ketara sehingga 100 Mbps di kawasan yang terhad atau tiada sambungan daratan di seluruh Malaysia dan menyediakan lebihan dan kapasiti tambahan untuk pengedaran video dalam HD, 4K, dan akhirnya 8K di rantau Asia-Pasifik.

**REAKSI**

“

Meherusi Measat-3d dan perkhidmatan CONNECTme NOW, kami menyasarkan untuk mengisi kelompangan jalur lebar di lokasi-lokasi yang tidak mempunyai liputan mudah alih 4G, 5G atau fiber di Malaysia bagi menyediakan akses internet kepada populasi yang terpinggir. Pihak Measat menyokong penuh hasrat kerajaan untuk mencapai sasaran akses Internet 100 peratus menjelang 2025 melalui pelan Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL) dan melalui sasaran Pelan Jalinan Digital Negara (Jendela) untuk mendigitalkan negara.”

- Ketua Pegawai Operasi Measat Satellite Systems Sdn Bhd (MEASAT), Yau Chyong Lim



## Peluang rakyat nikmati kemudahan internet lebih baik – Annuar

**KUALA LUMPUR** - Satelit Measat-3d akan dapat merapatkan jurang digital dan membentuk masa depan kersambungan yang lebih baik untuk rakyat Malaysia, selaras inisiatif kerajaan melalui pelan Jalinan Digital Negara (Jendela).

Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa berkata, satelit Measat-3d akan mengembangkan liputan internet berkelajuan tinggi di kawasan pedalaman yang tidak mempunyai sambungan supaya mencapai 100 peratus kesalinghubungan internet, sekali

gus membolehkan rakyat menikmati kemudahan internet dengan lebih baik.

“Dengan akses internet yang stabil dan pantas, Keluarga Malaysia boleh memperoleh pelbagai manfaat sosioekonomi seperti penyertaan dalam aktiviti e-Dagang dan pembelajaran digital,” maklumnya pada Selasa.

Satelit Measat-3d merupakan satelit kelapan yang akan dilancarkan bertujuan meningkatkan perkhidmatan perhubungan kepada Malaysia dan negara-negara serantau.

Annuar berkata, dengan pelancaran satelit itu, Malaysia juga dapat memperkukuhkan kehadirannya dalam era digital berteraskan kepada teknologi talian tetap, mudah alih dan satelit tanpa menghiraukan mana-mana kelompok rakyat di negara ini.

Beliau berkata, Malaysia beraspirasi menjadi sebuah negara berteknologi tinggi dan ini ter-



**ANNUAR**

bukti dengan pelancaran tujuh satelit sejak satelit pertama, Measat 1 dilancarkan pada tahun 1996 yang merangkumi satelit komunikasi menawarkan perkhidmatan penyiaran dan telekomunikasi, satelit penderiaan jauh serta aplikasi satelit lain melibatkan sektor penyelidikan

dan pembangunan industri teknologi angkasa.

Katanya, dengan pelancaran

Measat-3d, beberapa perkhidmatan baharu melalui satelit berkenaan dijangka dapat ditawarkan seawal Ogos 2022.

Tambahnya, penyedia perkhidmatan telekomunikasi lain juga boleh menggunakan satelit berkenaan untuk menawarkan perkhidmatan data, suara dan video kepada tiga hingga lima peratus populasi yang belum lagi diliputi oleh sambungan fiber atau jalur lebar tanpa wayar seperti yang ditawarkan Measat melalui perkhidmatan jalur lebar satelit CONNECTme NOW. - Bernama